

**FAKTOR-FAKTOR MEMPENGARUHI TINGKAH LAKU
VANDALISME DI KALANGAN REMAJA SEKOLAH MENENGAH
SATU KAJIAN KES DI DAERAH ALOR GAJAH, MELAKA**

NURAIN BINTI HJ. SARIPAN

**FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

DEDIKASI

DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PENGASIH LAGI
MAHA PENYAYANG.....

Bingkisan Ilmu ini dititipkan untuk.....

Suami tersayang.....

Yahya bin Atan.

Jasa dan pengorbanan Abang tidak mungkin terbalas walau dengan segunung intan.

Doa dan restu Abang, itu yang Ain harapkan...

Dan hari ini, kejayaan Ain, untuk Abang, untuk kita dan anak-anak, Aiman, Aidil, Adil, Farahin, Nabila dan Hidayah.....

Terima kasih sayang..dan terima kasih dari Umi.

Buat Bonda juga Ayahanda tercinta....

Hjh. Maleha binti Othman dan Hj. Saripan bin Kasiran,

Kasih sayang yang kalian curahkan seawal ku mengenal erti kehidupan, tak mampu kubalas, namun untuk melupakan jauh sekali. Pengorbanan kalian terlalu berharga dan tidak ternilai....

Terima kasih, mak....ayah.....

Buat rakan-rakan dan teman yang dikasihi....

Kak Salmi, Hj. Atan, Fareed, Tanti.....

yang telah banyak membantu, memberi nasihat dan dorongan kepadaku.... tidak akan kulupa buat selama-lamanya. Kalian semua mengajarku erti sebuah **PERSAHABATAN**, dan **KASIH SAYANG**... Sesungguhnya kalian menjadi pembimbing selaku teman yang setia dalam perjuanganku....Semoga kejayaan akan menjadi milik kita...

**KENANGAN SEMALAM SENTIASA MEKAR DI INGATAN DAN TERINDAH
UNTUK SELAMANYA...**

JUTAAN TERIMA KASIH KUUCAPKAN BUAT SEMUA.....

PENGHARGAAN

Dengan Nama ALLAH Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani. Syukur Ke-Hadrat ALLAH SWT atas limpah kurnia dan rahmatnya, dapat saya menyempurnakan Projek Sarjana ini dalam masa yang ditetapkan.

Penghargaan ikhlas dan jutaan terima kasih kepada pensyarah pembimbing iaitu Dr. Mohamed Sharif bin Mustaffa, selaku penyelia kursus ini yang telah banyak membimbing dan memberi tunjuk ajar, komentar serta dorongan kepada saya di dalam menyiapkan penulisan ilmiah ini.

Ribuan terima kasih kepada Pengetua-pengetua Sekolah yang terlibat iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Dol Said, Sekolah Menengah Kebangsaan Datok Haji Talib Karim, Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Pengkalan, Sekolah Menengah Kebangsaan Pulau Sebang dan Sekolah Menengah Kebangsaan Ghafar Baba yang telah memberi kebenaran pelajar-pelajar mereka sebagai responden dalam kajian ini. Terima kasih di atas kerjasama yang pihak tuan berikan.

Tidak lupa juga kepada rakan-rakan kaunselor sekolah yang berkenaan, Pn. Salmi, Pn. Maizan, Cik Maizatul, Cik Rosnah dan Cik Hjh. Aziah yang telah memberi kerjasama yang baik juga sudi meluangkan masa untuk memastikan kajian ini berjaya. Terima kasih dengan kerjasama anda dan semoga anda berjaya di dalam bidang yang diceburi.

Sekian terima kasih.

-Nurain binti Hj. Saripan-

SINOPSIS

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk melihat faktor-faktor yang mempengaruhi tingkah laku vandalisme di kalangan pelajar lelaki di negeri Melaka. Kajian ini merupakan kajian lapangan yang dijalankan di lima buah sekolah menengah di daerah Alor Gajah, Melaka. Subjek kajian adalah seramai 120 orang yang terdiri daripada pelajar tingkatan 4 dan 5. Soal selidik yang digunakan mengandungi enam bahagian iaitu maklumat diri subjek, jenis-jenis tingkah laku vandalisme, faktor keluarga, sekolah, rakan sebaya dan konsep sendiri. Data analisis menggunakan Kaedah Statistical Package for the Social Science – Extra (SPSS – X). Keputusan yang diperolehi menunjukkan tidak terdapat perbezaan tingkah laku vandalisme dengan tingkat pendapatan ibu bapa. Bagaimanapun, kajian menunjukkan perbezaan dalam tahap pendidikan ibu bapa mempengaruhi tingkah laku vandalisme di kalangan pelajar. Hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perhubungan bagi faktor rakan sebaya, faktor keluarga, sekolah dan konsep sendiri dengan tingkah laku vandalisme di kalangan pelajar sekolah.

SYNOPSIS

This research was done to look into the factors influencing vandalisme among the male students in Malacca. This research is an open research done in the Alor Gajah district in Malacca. The research subjects consist of 120 students from among Form 4 and Form 5 students. Questionnaires used included subject's personal details, types of vandalisme, family, school peers factor and also self-concept. Data analysis used statistical package Method for the Social Science-Extra (SPSS-X). Result gained showed no effect of parents' income scale with vandalisme. Instead research showed differences in parents' education level has on effect on vandalisme occurring among students. The result of the research also showed that there was no relation to peer, family, school and self-concept factors for vandalisme occurring among school students.

KANDUNGAN

	Halaman
SINOPSIS	i
SYNOPSIS	ii
KANDUNGAN	iii
SENARAI RUJUKAN	vii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI CARTA	x
SENARAI SINGKATAN DAN SIMBOL	xi
BAB 1 : PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Permasalahan Kajian	8
1.3 Tujuan Kajian	15
1.4 Limitasi Kajian	17
1.5 Kesignifikanan Kajian	19
BAB 2 : SOROTAN KAJIAN	
2.1 Pendahuluan	22

2.2	Kajian Tempatan	22
2.3	Kajian Luar Negara	25
2.4	Definisi Konsep	31
2.4.1	Vandalisme	31
2.4.2	Sosioekonomi Keluarga	33
2.4.3	Keluarga	34
2.4.4	Sekolah	35
2.4.5	Rakan Sebaya	36
2.4.6	Konsep Kendiri	38
2.5	Model Kajian	39
2.5	Hipotesis	40
2.6	Rumusan	42
 BAB 3 : METOD KAJIAN		
3.1	Pendahuluan	43
3.2	Rekabentuk Kajian	43
3.3	Tempat Kajian	44
3.4	Subjek Kajian	44
3.5	Alat Kajian	45
3.6	Tatacara Kajian	49
3.7	Kaedah Pemarkatan	50
3.8	Analisis Data	54
3.9	Kebolehpercayaan Alat Kajian	55

BAB 4 :	ANALISIS DATA DAN KEPUTUSAN KAJIAN	
4.1	Pendahuluan	57
4.2	Keputusan Kajian	57
4.3	Rumusan	65
BAB 5 :	PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN	
5.1	Pendahuluan	67
5.2	Pengaruh Faktor Status Sosioekonomi Keluarga Terhadap Tingkah Laku Vandalisme	67
5.3	Faktor Keluarga dengan Tingkah Laku Vandalisme di Kalangan Pelajar	69
5.4	Faktor Sekolah dengan Tingkah laku Vandalisme di Kalangan Pelajar	71
5.5	Faktor Rakan Sebaya dengan Tingkah Laku di Kalangan Pelajar	72
5.6	Faktor Konsep Kendiri dengan Tingkah Laku di Kalangan Pelajar	74
5.7	Rumusan Keputusan Kajian	78
5.8	Implikasi Kajian	81
5.9	Limitasi Kajian	82

BAB 6 : SARANAN KAJIAN

6.1	Pendahuluan	84
6.2	Rumusan	85

SENARAI RUJUKAN

LAMPIRAN

- A Data Mentah
- B Syntax
- C Analisis Realibility
- D Keputusan Analisis
 - Diskriptif
 - T test
 - Ujian Korelasi
- E Soal selidik faktor-faktor yang mempengaruhi vandalisme di kalangan pelajar.

SENARAI JADUAL

NO JADUAL		HALAMAN
3.4	Taburan Pelajar-Pelajar Mengikut Sekolah	45
3.7.1	Markat Alat Ukuran Tingkah laku Vandalisme	51
3.7.2	Pemarkatan Tingkat Pendidikan Ibu Bapa Terhadap Tingkah Laku Vandalisme	52
3.7.3	Pemarkatan Tahap Pendapatan Ibu Bapa Terhadap Tingkah Laku Vandalisme	53
3.7.5	Markat Alat Ukuran Faktor Pendorong Tingkah Laku Vandalisme	54
3.9.1	Analisi Realibiti Faktor-Faktor Salah Laku Vandalisme	55
4.1	Ujian t ke atas Tingkah Laku Vandalisme dan Pendapatan Ibu Bapa	61
4.2	Ujian t ke atas Tingkah Laku Vandalisme dan Pendidikan Ibu Bapa	62
4.3	Keputusan Ujian Korelasi Di Antara Tingkah Laku Vandalisme Dengan Faktor Yang Mempengaruhi	63

SENARAI RAJAH

NO RAJAH		HALAMAN
2.5	Model Kajian Tentang Penyebab Tingkah Laku Vandalisme	39

SENARAI CARTA

NO CARTA		HALAMAN
4.1	Tingkah Laku Vandalisme Mengikut Bangsa	58
4.2	Tingkah Laku Vandalisme Mengikut Pendapatan Ibu Bapa	58
4.3	Tingkah Laku Vandalisme Mengikut Tahap Pendidikan Ibu Bapa	59
4.4	Tingkah Laku Vandalisme Mengikut Pencapaian Akademik Pelajar	60

SENARAI SINGKATAN DAN SIMBOL

r	Nilai Pekali Korelasi
k	Aras Keyakinan
>	Lebih Daripada
<	Kurang Daripada
dk	Darjah Kebebasan
JDK	Jumlah Dalam Kumpulan
SRP	Sijil Rendah Pelajaran
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
SMPS	Sekolah Menengah Pulau Sebang
SMSP	Sekolah Menengah Seri Pengkalan
SDHTK	Sekolah Datok Haji Talib Karim
SDDS	Sekolah Dato' Dol Said
SMKGB	Sekolah Menengah Kebangsaan Ghafar Baba

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Vandalisme bukanlah satu isu baru di Malaysia, malah ia hangat diperbincangkan oleh media massa. Kamus Oxford Advanced Learner's mentakrifkan vandalisme sebagai "*willfully destroy or damage (public property)* dan vandal sebagai '*person who willfully destroys or damage works of art, public and private property, the beauties of nature, etc*'. Di mana-mana sahaja kita sering terserempak dengan bangunan yang diconteng dan dilukis dengan lukisan yang sungguh abstrak. Gambar-gambar dan lukisan lucah mudah sahaja dijumpai pada tembok-tembok, batu batan di tepi pantai, tandas-tandas awam, pondok telefon dan di bangunan sekolah termasuk kerusi dan meja pelajar.

Segala golongan yang dikaitkan dengan perbuatan yang tidak berakhlak ini adalah pelajar-pelajar sekolah dan remaja serta para penganggur yang kerjanya hanya melepak di kompleks membeli belah, pengacau orang lalu lalang dan menjadi kutu malam. Golongan ini kerap menjadi sasaran, kritikan dan tuduhan bahawa mereka terlibat dengan perbuatan-perbuatan yang disebut vandalisme. Di Barat fenomena vandalisme dengan perbuatan-perbuatan yang disebut vandalisme. Di Barat fenomena

vandalisme dikaitkan dengan pemuda-pemudi *punk* dan *rock*. Budaya Barat yang menular ke negara ini melalui media massa telah mempengaruhi pola tingkah laku pelajar dan remaja kita.

Dalam tahun-tahun 50-an, kajian terpenting mengenai sikap buruk pelajar-pelajar adalah seperti mencuri dan bersikap kasar. Sikap buruk ini merupakan masalah utama yang dihadapi oleh pihak sekolah (Lander, 1954). Pada tahun 1952, Gluek, Eleanor dan Sheldon (1968) menyenaraikan sikap buruk pelajar adalah seperti melanggar peraturan kerana kurang diberi perhatian, kecuaiian dan merokok. Namun begitu, trendnya kini sudah berubah. Kebanyakan sekolah di merata-rata tempat, perbuatan vandalisme menjadi isu utama yang hangat di perbincangkan oleh media massa.

Di Malaysia, perbuatan merosakkan harta benda di sekolah dikategorikan sebagai salah laku yang berat dan serius. Ini terbukti apabila sejak 1968 lagi, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengedarkan surat pekeliling yang membenarkan pelajar-pelajar yang melakukan kesalahan ini dibuang dan digantung sementara waktu, di bawah undang-undang 1.3.5 merosak atau membinasakan harta sekolah (Mohd Zin Sham, 1996).

Masalah merosakkan harta benda sekolah, secara sedar atau tidak, telah menjadi fenomena lumrah dalam alam persekitaran sekolah. Perbuatan tidak bertanggungjawab ini mendapat perhatian serius dari pihak sekolah dan juga masyarakat. Pelajar-pelajar tidak memikirkan kepentingan dan kesejahteraan orang lain. Mereka sewenang-

wenangnya merosakkan dan mengotori kemudahan dan persekitaran sekolah tanpa rasa bersalah langsung.

Persoalannya sekarang, mengapakah pelajar begitu mudah terpengaruh dengan aktiviti yang tidak sihat?. Bukankah perbuatan menconteng merupakan suatu kerja yang sia-sia?. Tidakkah pelajar sedar yang perbuatan mereka tidak mendatangkan sebarang faedah? Seperti mana yang dikatakan, dunia pelajar penuh dengan pergolakan untuk mencari identiti diri. Pada peringkat ini pelajar mengalami krisis psikologi dan konflik batin yang hebat.

Menurut (Ann Wan Seng, 1994) vandalisme dilakukan oleh beberapa kategori pelajar. Pertama, yang melakukan perbuatan vandalisme hanya secara suka-suka. Tidak terlintas dalam fikiran mereka bahawa perbuatan vandalisme boleh membawa akibat yang tidak baik seperti permandangan yang menyakitkan mata. Apa yang terlintas dalam fikiran dicurahkan atas permukaan meja, kerusi, tembok, simen dan batu-batan. Motif perbuatan mereka tidak jelas. Mungkin sekadar untuk menghabiskan masa lapang.

Kedua, golongan pelajar yang mengalami tekanan jiwa yang hebat. Pelajar yang hidup keseorangan merasakan dunia ini tidak bermakna. Kesunyian yang dihadapi menyebabkan mereka melakukan perbuatan menconteng sekadar untuk menarik perhatian orang ramai. Di samping itu, golongan pelajar dalam kategori ini mempunyai alasan untuk melakukan vandalisme. Oleh kerana tidak ada tempat yang sesuai untuk mereka mencurahkan isi hati, maka segala perasaan tidak puas hati dan kekacauan fikiran diluahkan melalui tulisan-tulisan dan lukisan yang tidak tentu hala. Setiap

perkataan yang ditulis dan bentuk benda yang dilakar menggambarkan kekacauan jiwa remaja tersebut.

Golongan ketiga pula terdiri daripada mereka yang sentiasa tidak puas hati dengan keadaan diri dan masyarakat. Oleh itu, kita dapati sesetengah tempat diconteng dengan gambar-gambar lucu, kata-kata yang memberahikan. Apabila mereka berbuat demikian, mereka berasa puas dapat mengganggu kehidupan orang lain. Golongan yang keempat pula terdiri daripada remaja yang mabuk bercinta. Vandalisme dan golongan ini bertumpu di taman-taman, tepi pantai dan tempat rekreasi. Antara hasil ukiran ialah lambing *love*, anak panah dan ukiran nama merpati sejoli. Demi cinta abadi kasih terpahat, rindu terpaku dan kasih diukir. Golongan ini melakukan vandalisme tanpa kesedaran dan pertimbangan yang rasional. Dorongan emosi menguasai diri mereka daripada akal fikiran.

Datuk Lee Lam Thye (1997) menyatakan orang yang merosakkan harta benda merupakan golongan remaja yang ingin bebas tetapi dikongkong oleh ibu bapa. Mereka tidak mempunyai matlamat dan gemar melakukan kesalahan ini apabila berkumpul dengan rakan-rakan mereka. Pelaku akan merasa puas setelah melakukan perbuatan tersebut.

Sekiranya gejala vandalisme ini tidak dikurangkan secara berkesan, ia akan mendatangkan masalah yang rumit kepada negara. Tidak ada faedahnya negara pesat membangun dan menggunakan teknologi yang baru, seperti peralatan canggih, sedangkan para pelajar yang bakal menjadi jentera penggerak adalah generasi yang tidak

bermoral dan tidak bertanggungjawab dalam memelihara harta benda negara. Keuntungan negara terpaksa diagihkan untuk memperbaiki dan mengganti semula harta benda yang telah dirosakkan.

Menurut Datuk Lee Lam Thye, lagi masalah salah laku di kalangan pelajar memerlukan tindakan bersepadu yang serentak dan menyeluruh dari setiap lapisan masyarakat. Ini termasuklah guru, ibu bapa, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGOs) dan lain-lain (dlm. Norainon Othman, 1997)

Laporan Salah laku Murid Sekolah Malaysia (1996) mengelaskan dua bentuk serangan terhadap sekolah: pertama, serangan dituju kepada harta benda seperti pecah masuk, merosak dan mencuri harta benda sekolah; kedua, serang dituju untuk mengganggu rutin sekolah seperti kebakaran, ugutan bom dan bunyi loceng amaran palsu.

Menurut kajian Taip Abu (1989) pula, jenis-jenis tingkah laku merosak Perumahan Mahasiswa dibahagikan mengikut kekerapan iaitu amat kerap, kerap dan tidak kerap. Kajian ini menunjukkan menconteng dinding, memecah pintu, membengkok kipas, memecah pasu bunga, merosak meja dan memecah papan kenyataan antara yang amat kerap dilakukan. Kerosakan yang hanya kerap dilakukan adalah seperti mengalihkan pemadam api, memecahkan kotak *hosereel* dan memecahkan glass point bomba, merosakkan sinki dan mengoyak poster. Manakala, kesalahan yang tidak kerap dilakukan adalah menanggalkan tompok lampu dan merosakkan televisyen. Kebanyakan jenis-jenis vandalisme ini dilakukan dalam keadaan yang spontan dan tidak di rancang terlebih dahulu.

Sulaiman Alias (1994) menyatakan golongan remaja yang melakukan vandalisme merosakkan harta benda tanpa ada sebarang sebab serta tidak memperolehi apa-apa keuntungan dari perbuatannya itu. Salah laku begini selalunya menunjukkan bangkangan terhadap sesuatu atau luahan kekecewaan pelaku kepada keluarga, masyarakat dan sekolah. Mereka ingin menarik perhatian orang ramai dan memperkenalkan dirinya secara negatif.

Tingkah laku vandalisme di kalangan pelajar dipengaruhi oleh banyak faktor. Namun, faktor yang dipilih dalam kajian ini adalah faktor sosioekonomi, tingkat pendapatan ibu bapa dan taraf pendidikan, faktor keluarga, faktor sekolah, faktor rakan sebaya dan faktor diri sendiri. Oleh itu, pengaruh yang paling dominan perlu diketengahkan untuk mencari penyelesaian terhadap salah laku vandalisme. Ini kerana golongan remaja khasnya adalah harapan masyarakat dalam mewarisi kepimpinan dan pembangunan negara pada masa depan.

Pelajar-pelajar sekolah melakukan vandalisme berdasarkan tujuannya yang berbeza-beza. Cohen (1968) dan Bowles (1982), misalnya telah membahagikan perbuatan vandalisme kepada enam kategori berikut:

- I. Vandalisme berbentuk keinginan – Vandalisme atau kerosakan dilakukan adalah bertujuan untuk mendapatkan atau memperolehi sesuatu. Vandalisme ini amat sering berlaku di sekolah. Misalnya, memecahkan *vending machine*, memecahkan peti duit telefon atau memecahkan penutup alat pemadam api.

- II. Vandalisme yang dirancang – Vandalisme jenis ini biasanya dilakukan untuk mencapai satu-satu keinginan. Ia juga merupakan sesuatu perbuatan yang disadari yang mempunyai matlamat yang telah difikirkan. Antara contoh vandalisme bersifat taktikal ini ialah merosakkan loceng atau membunyikan loceng keselamatan dan dengan ini matlamat akhir yang diinginkan ialah loceng kecemasan tersebut akan terus berbunyi dan mengganggu pelajar-pelajar lain.
- III. Vandalisme ideological – Vandalisme jenis ini mempunyai matlamat ideologi besar yang telah dirancang. Cohen menjelaskan vandalisme jenis ini adalah seakan-akan serupa dengan vandalisme taktikal. Mengecat atau menyembur cat di dinding-dinding bangunan sekolah atau tandas dengan menulis slogan-slogan politik tertentu.
- IV. Vandalisme bersifat balas dendam – Vandalisme jenis ini adalah sangat-sangat ditakuti oleh pihak sekolah. Ia berpunca dari hasrat untuk membalas dendam ke atas satu tindakan yang dilakukan oleh pihak sekolah. Tindakan membalas dendam yang dilakukan seperti memecahkan cermin tingkap, membakar pintu dinding bangunan adalah beberapa contoh yang sering dilakukan.
- V. Vandalisme bersifat suka-suka – Vandalisme jenis ini dilakukan untuk tujuan suka-suka. Ia juga dilakukan kadangkala untuk tujuan permainan dan merupakan kegiatan merosak yang paling kerap berlaku di sekolah. Misalnya, satu pertandingan diadakan di kalangan pelajar bagi tujuan siapa yang boleh memecahkan kotak *hosereel* atau memecahkan *glass point system* pencegah kebakaran tanpa diketahui oleh pihak sekolah.

- VI. Vandalisme bersifat merosak – Vandalisme jenis ini merupakan satu perbuatan merosak yang paling ganas. Cohen menyifatkan vandalisme jenis ini sebagai cara menunjukkan rasa tidak puas hati atau rasa kekecewaan terhadap sesuatu.

1.2 Permasalahan Kajian

Tingkah laku vandalisme sekolah di Malaysia meliputi merosakkan harta benda sekolah, merosakkan harta benda murid, merosakkan harta benda guru dan merosakkan harta benda kantin di sekolah membabitkan para pelajar telah mendapat tumpuan ramai. Ini telah menimbulkan kebimbangan di kalangan pihak berkuasa, pihak Kementerian Pendidikan, ibu bapa dan masyarakat secara umum.

Mengikut perangkaan statistik yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, ternyata tingkah laku vandalisme di kalangan pelajar meningkat dari setahun ke setahun. Pada tahun 1993, seramai 2,226 pelajar terlibat dalam vandalisme. Pada tahun 1994 pula meningkat hingga 2,622 pelajar dan pada tahun 1995 terus meningkat kepada 2,736 pelajar.

Walaupun bilangan kes tingkah laku vandalisme di kalangan 1.2 juta pelajar menengah jumlahnya mungkin kecil, namun perbuatan kesalahan yang dilakukan memerlukan tindakan serius dari pihak berkaitan bagi mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong peningkatan aktiviti-aktiviti vandalisme di kalangan pelajar di negara kita.

Ternyata perlakuan vandalisme pelajar sekolah sering membawa kepada jenayah remaja. Berbagai tindakan dikenakan ke atas pelajar-pelajar yang bertingkah laku vandalisme. Menurut Laporan Disiplin Pelajar (1991), seramai 1,893 pelajar di seluruh negara yang melakukan vandalisme. Daripada jumlah itu seramai 534 pelajar (33.43 peratus) diberi amaran, 18.20 peratus diberi nasihat, 16.59 peratus dirotan dua kali dan 2.38 peratus dirotan tiga kali. Bagi tindakan vandalsime berat seramai 2.16 peratus dibuang sekolah, 0.45 peratus dan 4.07 peratus dilaporkan kepada polis.

Menurut Dr. Wan Zahid Nordin (1997), pada tahun 1993 seramai 63,353 orang (36.70%) pelajar dikenakan tindakan amaran, 27,018 pelajar (15.66%) diberi nasihat, 29,012 pelajar (16.80%) dirotan sekali, 14,114 pelajar (8.18%) dirotan sebanyak dua kali dan 3,919 pelajar (2.27%) dirotan sebanyak tiga kali. Mengenai tindakan hukuman yang agak berat pula, gantung persekolahan melibatkan 5,020 pelajar (2.90%), 1,562 pelajar (0.90%) dirotan lebih tiga kali dan 882 orang (0.51%) dibuang sekolah.

Tindakan atau hukuman tidak memberi kesan positif mengurangkan perlakuan vandalisme di kalangan pelajar. Ini kerana jumlah kes vandalisme terus meningkat kepada 8.41 peratus pada tahun 1996 melibatkan seramai 3902 orang pelajar berbanding 2736 pelajar yang terlibat dalam aktiviti vandalisme pada tahun 1995.

Dari 159 kes pelaku vandalisme yang direkodkan dalam tahun 1996, didapati 23 pelajar ulangi bukan sekali, malah berulang kali tingkah laku vandalisme. Tingkah laku yang sering diulangi ialah mengguris dan mencalarkan perabot seperti meja dan kerusi

dengan berbagai perkataan dan symbol, menconteng dinding dengan kata-kata lucu terutamanya di tandas-tandas dan memecahkan cermin tingkap.

Ternyata tindakan dan hukuman yang diambil oleh pihak sekolah kurang berkesan dalam membendung perlakuan pelajar-pelajar yang pernah dikenakan tindakan, yakni pelajar-pelajar yang pernah dirotan. Dan memandangkan kepada statistik yang diperolehi dari Kementerian Pendidikan Malaysia, adalah tidak mustahil sekiranya vandalisme ini meningkat di masa akan datang.

Akhbar Utusan Malaysia 5 April 1989 melaporkan polis menahan seorang pelajar lelaki berhubung dengan kejadian dua letupan kecil di bilik tandas Sekolah Menengah Taman Tun Dr. Ismail. Kesan letupan itu mengakibatkan tingkap-tingkap kaca pecah dan beberapa kepingan logam berselerak dalam tandas tersebut. Akhbar Metro 19 Jun 1996 melaporkan pelajar sebuah sekolah di Tampoi bertindak menconteng nama seorang guru lelaki disiplin pada dinding bangunan bilik air sekolah berkenaan dengan kata-kata lucu menggunakan penyembur cat. Malah pelajar terbabit bertindak keterlaluan menconteng kata-kata memalukan iaitu guru itu mempunyai hubungan sulit dan merogol seorang guru wanita.

Gejala vandalisme di negara ini didapati semakin hari semakin meningkat. Utusan Malaysia (30 Mei 2000) melaporkan bahawa lima orang pelajar ditahan reman bersama seorang penganggur kerana cuba membakar rumah guru sekolah di Kota Tinggi. Pelajar-pelajar berkenaan difahamkan cuba membalas dendam terhadap guru wanita yang sering melaporkan tingkah laku mereka kepada guru disiplin. Tindakan

guru itu telah menimbulkan kemarahan, di mana mereka telah mengambil tindakan membakar rumah guru itu untuk meluahkan rasa marah. Keadaan ini menggambarkan betapa seriusnya perlakuan vandalisme, dan sekiranya tidak dikawal maka akan membawa kepada perlakuan jenayah yang lebih berat di kalangan pelajar sekolah.

Kumpulan pelajar-pelajar yang terlibat ini, seolah-olah telah hilang pertimbangan diri dan kewarasan fikiran. Mereka bertindak semakin ganas dan perbuatan mereka terkeluar dari jangkauan kita yang waras. Pada fikiran orang yang waras sudah tentu kita tidak sanggup memusnahkan bangunan institusi di mana tempat kita mendapatkan ilmu untuk membentuk kita supaya menjadi seorang manusia. Sebaliknya mereka turut mengiringi marak api yang menjilat bilik guru dengan kata-kata caci maki dan sumpah seranah yang ditulis pada bangunan sekolah sebagai protes dan melepaskan geram.

Masyarakat sepatutnya turut merasa betapa hancurnya hati guru-guru sekolah itu apabila melihat sebuah bangunan yang selama ini dianggap mulia, tempat mereka mencari rezeki halal, mencurahkan ilmu mendidik anggota masyarakat, menjadi mangsa segelintir pelajar yang suka melakukan tingkahlaku vandalisme yang masih terbelenggu dengan perangai yang tidak bertamadun. Bagai pepatah “madu diberi, tuba yang dibalas”, maka sikap pelajar-pelajar yang terbabit seolah-olah mereka “buta hati dan buta perut”. Amat pelik sekali mereka sedikitpun tidak merasa sayang kepada bangunan sekolah tempat mereka mendapat pendidikan.

Kes terbaru yang dilaporkan oleh Utusan Malaysia (19 Jun 2000), sebuah bilik darjah Sekolah Kebangsaan Rawang telah musnah dalam satu kebakaran dipercayai

akibat perbuatan khianat. Dalam kejadian tersebut sebuah almari berisi beratus-ratus buku rujukan, buku tambahan serta soalan peperiksaan untuk pelajar tahun 6 telah musnah. Pihak polis telah mengesahkan terdapat unsur-unsur jenayah berdasarkan penemuan puntung-puntung mancis di kawasan berkenaan. Pihak polis tidak menolak kemungkinan besar perbuatan ini dilakukan oleh pelajar sekolah. Nampaknya gejala vandalisme dan salah laku pelajar semakin hari semakin meruncing sehingga membawa kepada perlakuan jenayah yang lebih berat lagi. Pelajar begitu berani bertindak liar dan ganas tanpa rasa perikemanusiaan langsung. Justeru, langkah-langkah drastik perlu diambil oleh pihak-pihak terbabit untuk mencegah serta membanteras tingkah laku negatif pelajar-pelajar sekolah.

Menurut Prof. Diraja Ungku Aziz (Utusan Malaysia, Mei 1999) Perkhidmatan Nasional atau *National Service* perlu dikuatkuasakan di Negara sebagai salah satu cara mendisiplinkan remaja dan mencegah gejala vandalisme. Penguatkuasaan undang-undang dengan menjatuhkan hukuman yang berat kepada pelaku vandalisme akan menjadi pengajaran dan tauladan serta menjauhkan individu tersebut daripada perbuatan vandalisme. Datuk Lee Lam Thye (Dewan Siswa, Mac 1998, m.s 13), Pengerusi Jawatankuasa Anti Vandalisme DBKL bersetuju mengenakan tindakan lebih tegas ke atas pesalah vandalisme. Manakala Prof. Khoo Kay Kim (Utusan Malaysia, 5 Februari 1998) pula menggesa semua pihak mengamalkan sikap tegur menegur dan sayangkan harta benda adalah penawar yang paling mujarab untuk mengubat penyakit vandalisme daripada menular.

Secara umumnya, faktor yang menyumbang ke arah salah laku vandalisme pelajar ialah faktor sosioekonomi, keluarga, sekolah, rakan sebaya dan konsep sendiri. Laporan Salah Laku Pelajar (1996) menunjukkan punca utama salah laku pelajar ialah faktor diri sendiri 152,806 kes. Punca kedua ialah faktor keluarga melibatkan 25,657 kes. Faktor persekitaran yang terdiri daripada pengaruh rakan sebaya dan masyarakat adalah 1,326 kes. Bagi kajian faktor-faktor tersebut dijangkakan mempengaruhi tingkah laku vandalisme di kalangan pelajar.

Taraf sosioekonomi keluarga mempunyai hubungan yang signifikan dengan salah laku pelajar (Abdul Hanid Halit, 1998). Dapatan kajian Abdul Raof Dahaman (1986) ke atas pelajar-pelajar lelaki di sekolah menengah terhadap tingkah laku devian mendapati pelajar-pelajar terbabit berasal dari status sosioekonomi yang rendah. Ini mungkin disebabkan ibu bapa mereka keluar bekerja untuk menambah pendapatan keluarga. Ibu bapa yang kurang pendidikan juga kurang memberi perhatian kepada pelajaran anak-anak mereka. Ini bertepatan dengan kajian Alim Muntu (1988) yang mengkaji tingkah laku devian di kalangan pelajar sekolah menengah di Sabah mendapati kebanyakannya berlatar belakangkan keluarga berpendidikan sekolah rendah dan ada keluarganya yang tidak pernah langsung bersekolah.

Institusi keluarga kini kurang memberi perhatian dalam pembentukan sahsiah keluarga terutama terhadap anak-anak. Akibatnya konflik keluarga akan timbul dan anak-anaklah yang menjadi mangsa. Hal ini disokong oleh Galamus dan Maggs (1991) yang menyatakan tahap konflik keluarga yang tinggi menyebabkan remaja terlibat dalam tingkah laku bermasalah.

Hubungan ibu bapa dan pelajar adalah penting dalam sesebuah keluarga. Perhubungan yang negatif dalam sesebuah keluarga menyebabkan pelajar bertindak di luar dugaan seperti terlibat dengan tingkah laku devian atau anti-sosial. Hal ini dapat dilihat menerusi kajian yang dilakukan oleh Othman Bin Bakar (1983) yang mendapati kenakalan berpunca dari ibu bapa yang kurang mengambil berat terhadap kegiatan seharian anak-anak. Alim Muntu (1988) pula menambah salah laku di kalangan pelajar terjadi kerana pelajar-pelajar kurang merasai kemesraan dalam keluarga.

Di samping itu, faktor sekolah juga menjadi salah satu faktor penyumbang kepada salah laku pelajar. Persekitaran sekolah mungkin mengandungi unsur-unsur seperti struktur bilik darjah, interaksi di antara guru-pelajar, pelajar-pelajar dan pelajar-persekitaran. Menurut Smith (1969), masalah akan timbul jika kemerosotan berlaku dalam perhubungan di antara guru dan murid. Ini dibuktikan dengan kajian oleh Cohen (1972), di mana faktor sekolah berpunca dari persepsi negatif pelajar terhadap gurunya, sikap dan personaliti dan kokurikulum yang tidak fleksibel.

Kebanyakan kejadian salah laku yang dilaporkan di akhbar-akhbar membabitkan beberapa kumpulan pelajar. Ini jelas menunjukkan bahawa peranan rakan sebaya merupakan pengaruh kuat kepada pelajar dalam membuat sesuatu tindakan. Berdasarkan *Differential Association Theory* seorang remaja tidak berminat atau tidak berhasrat untuk melakukan sesuatu aktiviti sebelum dia menggabungkan diri dengan mereka yang terlibat dengan aktiviti tersebut (Hirchi & Selvin, 1973). Hal ini disokong oleh Othman

bin Bakar (1983) yang menyatakan bahawa pelajar lebih cenderung untuk berkelakuan devian apabila bersama rakan-rakan.

Tidak dapat dinafikan faktor konsep sendiri turut mempengaruhi salah laku pelajar. Secara umumnya, pelajar yang mempunyai konsep sendiri yang positif adalah kurang atau tidak langsung terlibat dalam salah laku, manakala pelajar yang mempunyai konsep sendiri negatif adalah golongan yang paling tinggi potensinya untuk terlibat dalam tingkah laku ini. Hal ini bertepatan dengan kajian Anidah Ithnin (1991) yang mendapati pelajar nakal memiliki konsep sendiri yang negatif, sebaliknya pelajar-pelajar tidak nakal memiliki konsep sendiri yang positif. Heng Keng Chian (1989) dalam kajiannya menyatakan pelajar yang rendah konsep sendiri tidak suka pada sekolah mereka, merasa sunyi dan merasakan diri tidak popular.

Berdasarkan kelima-lima faktor yang diketengahkan dalam kajian ini iaitu faktor sosioekonomi, keluarga, sekolah, rakan sebaya dan diri sendiri, pengkaji ingin melihat sama ada faktor tersebut mempunyai hubungan dengan salah laku vandalisme. Di samping itu, kajian ini dapat membantu para pendidik, kaunselor dan guru untuk menangani masalah vandalisme di kalangan pelajar sekolah dengan lebih berkesan.

1.3 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan melihat faktor-faktor penyebab yang mendorong pelajar bertingkah laku vandalisme atau merosak harta benda di sekolah dari sudut sosioekonomi, keluarga, sekolah, rakan sebaya dan konsep sendiri. Secara ringkasnya tujuan kajian ini ialah:

Pertama ialah untuk melihat sama ada terdapatnya perbezaan status sosioekonomi keluarga di kalangan pelajar yang bertingkah laku vandalisme. Selalunya ibu bapa dari status sosioekonomi yang tinggi lebih mengambil berat terhadap pelajaran anak-anak. Status sosioekonomi juga dilihat pada tahap pendidikan dan tingkat pendapatan ibu bapa yang berbeza turut memberi perbezaan pada cara dan gaya didikan terhadap anak-anak.

Kedua, kajian ini bertujuan untuk melihat sama ada faktor keluarga mempunyai hubungan dalam mempengaruhi tingkah laku vandalisme di kalangan pelajar. Faktor keluarga yang akan dikaji ialah dengan melihat sejauh manakah hubungan ibu bapa terhadap anak-anak. Ini kerana hubungan ibu bapa dan anak-anak dalam sesebuah keluarga dapat mempengaruhi pembentukan dan perubahan tingkah laku anak-anak. Menurut Hurlock (1967), keluarga yang mengamalkan komunikasi yang mempunyai kesepaduan, adaptasi dan dapat menghindarkan anak-anak daripada bertingkah laku vandalisme.

Ketiga, kajian ini juga melihat sama ada faktor sekolah mempunyai hubungan dalam pembentukan sesuatu tingkah laku pelajar. Faktor sekolah yang terlibat dalam kajian ialah faktor persekitaran, bilik darjah, sikap guru-guru dan pembelajaran yang dijalankan. Kajian ini ingin melihat pengaruhnya terhadap pembentukan tingkah laku pelajar.

Keempat, kajian ini juga bertujuan melihat sejauh mana faktor rakan sebaya sebagai pendorong seseorang bertingkah laku vandalisme. Dalam zaman persekolahan pelajar lebih mudah mendekati rakan sebaya dan cuba mencari identiti melalui pengaruh rakan sebaya. Ini disokong oleh Zuzly bin Ibrahim (1989) yang menyatakan pengalaman ketika waktu persekolahan berkesan terutamanya dalam hubungan dengan rakan sebaya.

1.4 Limitasi Kajian

Dalam kajian ini tingkah laku vandalisme ini hanya dikaji bagi daerah Alor Gajah. Lima buah sekolah sahaja dipilih untuk diedarkan soal selidik kepada para pelajar iaitu Sekolah Menengah Pulau Sebang, Sekolah Menengah Datuk Hj. Talib Karim, Sekolah Menengah Dato' Dol Said, Sekolah Menengah Seri Pengkalan dan Sekolah Menengah Ghafar Baba. Sekolah-sekolah tersebut dipilih kerana terletak di luar bandar dan dipercayai kadar vandalisme adalah tinggi. Di samping itu, sekolah-sekolah ini dipilih berdasarkan Laporan Disiplin Unit HEM, Jabatan Pendidikan Melaka yang menunjukkan kadar salah laku vandalisme yang tinggi di kalangan sekolah luar bandar.

Subjek kajian pula dipilih di kalangan pelajar yang berumur antara 16 hingga 18 tahun iaitu pelajar-pelajar dari tingkatan empat dan lima. Ini kerana dalam usia tersebut tingkah laku vandalisme yang dilakukan oleh pelajar adalah nyata dan mereka berada di alam pertengahan remaja yang akan menghadapi masalah dalam penyelesaian perkembangan diri.

Semua subjek yang dipilih adalah lelaki. Ini disebabkan dalam kajian lepas didapati pelajar lelaki lebih dominan dalam bertingkah laku merosakkan harta benda sekolah. Ini mungkin disebabkan oleh faktor kelangsangan di mana kanak-kanak lelaki terbukti lebih langgang dari kanak-kanak perempuan.

Pengkaji juga terhad dalam memilih pelajar yang dikategorikan sebagai pelaku tingkah laku vandalisme. Ini disebabkan perbuatan ini dilakukan secara bersembunyi dan sukar dikesan oleh pihak sekolah. Dalam kebanyakan kes, pelajar-pelajar ini tidak dapat ditangkap sewaktu melakukan perbuatan tersebut. Mereka ditangkap berdasarkan maklumat dari saksi seperti pelajar-pelajar lain, pengawas dan guru-guru yang melihat kejadian tersebut. Oleh itu, selain dari melihat rekod disiplin pelajar daripada Guru Hal Ehwal Murid, pengkaji turut dibantu oleh guru disiplin dan kaunselor untuk memilih subjek yang paling tepat.

Kajian ini juga hanya menumpukan kepada sekolah menengah sahaja. Pengkaji merasakan adalah wajar dikaji pelajar sekolah menengah sahaja kerana mereka lebih cenderung melakukan salah laku vandalisme. Pelajar-pelajar ini lebih berani melakukan tingkah laku ini kerana menganggap diri mereka adalah senior di sekolah. Mereka mahu menunjukkan “kehebatan” mereka dengan merosakkan harta benda di sekolah untuk mencari pengaruh di kalangan rakan sebaya.

1.5 Kesignifikanan Kajian

Salah laku di kalangan pelajar remaja umunya semakin menular dan serius di sekolah-sekolah dengan terdapatnya kes-kes pelajar yang berani memecahkan syiling, memecah masuk dewan makan, memecahkan pasu bunga, memancitkan kereta guru dan merosakkan pintu peti sejuk untuk mencuri makanan dan lain-lain lagi.

Pelajar hari ini merupakan pelapis yang bertanggungjawab merealisasikan wawasan negara dan mempunyai tugas untuk dilaksanakan dengan sempurna. Bagi menjayakan matlamat ini, langkah-langkah perlu diatur untuk mengurangkan gejala vandalisme dari terus diamalkan oleh pelajar-pelajar. Isu vandalisme tidak boleh dianggap remeh kerana tanpa adanya sikap bertanggungjawab terhadap harta benda sekolah dan moral yang tinggi, negara akan mempunyai pelapis negara yang rapuh. Akibatnya negara akan lumpuh.

Perbuatan vandalisme tidak boleh dibiarkan. Bagi sesetengah orang mereka tidak peduli terhadap perbuatan menconteng ini kerana mereka menganggapnya hanyalah fenomena sementara. Apabila remaja meningkat dewasa, perbuatan ini akan terhenti dengan sendiri. Benarkah begitu?. Vandalisme dilakukan berterusan dari generasi ke generasi seolah-olah menjadi warisan yang mempunyai waris-warisnya. Kalau perbuatan ini didiamkan begitu sahaja tentu ia menggalakkan lagi perbuatan vandalisme. Oleh itu penyelesaian perlu dicari seperti menyediakan tempat khas untuk para remaja meluahkan isi hati dan melakar sesuka hati. Biarkan remaja melakukan sepuas-puasnya sehingga jemu. Namun begitu tidak ada jaminan bahawa langkah ini akan berjaya.

Pengalaman di negara Barat telah menunjukkan kegagalan kerana para remaja tidak gemar pergi ke tempat yang disediakan untuk melakukan vandalisme. Tempat-tempat awam mudah menjadi tumpuan mereka. Bagaimanapun budaya dan proses pembelajaran yang berbeza di Barat memungkinkan cadangan ini diadakan dengan berdasarkan persekitaran tempatan.

Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan dengan harapan supaya dapat memberi gambaran sebenar tentang faktor-faktor penyebab tingkah laku vandalisme. Diharap faktor sosioekonomi, keluarga, sekolah, rakan sebaya dan konsep sendiri yang dikaji dapat menolong semua pihak mengatasi masalah ini dan terus menular. Kajian ini juga diharap dapat menentukan faktor yang paling signifikan terhadap salah laku vandalisme.

Hasil kajian ini secara praktisnya dapat menjadi panduan untuk mengurangkan kadar vandalisme di kalangan pelajar. Pihak sekolah, terutamanya kaunselor diharap memberi perhatian yang khusus kepada pelajar-pelajar yang bermasalah berdasarkan punca-punca yang menyebabkan pelajar tersebut melakukan vandalisme. Masyarakat seperti jiran tetangga, NGOs' dan golongan cendekiawan perlu menghulurkan bantuan tenaga, buah fikiran dan kewangan bagi mengurangkan salah laku vandalisme. Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dengan kerjasama kerajaan perlu menyediakan program-program bagi membendung masalah ini setelah mengetahui punca-punca sebenar perlakuan ini.

Pengkaji berharap dengan adanya kajian ini, sedikit sebanyak boleh membantu para pendidik dan kaunselor yang terdapat di sekolah untuk mengetahui dan memahami punca-punca berlakunya vandalisme di kalangan pelajar sekolah. Dengan terbanterasnya masalah ini, negara dapat melahirkan generasi muda yang berwibawa dan dihormati.